

13/10/1999

Dana lindung nilai terus cari mangsa

KETIKA mengadakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara dan memperkenalkan kawalan modal serta menambat ringgit pada kadar RM3.80 bagi AS\$1, tindakan Malaysia disanggah kononnya bersikap menentang arus ekonomi dunia. Salah satu punca yang menimbulkan kemarahan pihak berkenaan terutamanya mereka yang berkepentingan ialah keengganan negara ini mematuhi nasihat atau tunjuk ajar Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), apatah lagi keengganan Malaysia melutut untuk mendapatkan bantuan kewangan daripadanya sebagaimana dilakukan oleh beberapa negara jiran.

Malah, mereka berpendapat jika tidak mengikut telunjuk IMF, Malaysia kononnya akan menghadapi tekanan inflasi yang tinggi, keruntuhan institusi perbankan, kemerosotan perusahaan, kadar pengangguran yang meningkat dan sebagainya. Pada peringkat awal IMF berjaya mempengaruhi sesetengah pihak dalam negara mempersoalkan tindakan Malaysia. Tujuan IMF mudah difahami kerana dengan menggabungkan kegawatan ekonomi dan keresahan politik, akan menyebabkan keadaan negara tidak stabil bagi membolehkan mereka menghuru-harakan negara ini dengan mudah.

Kerajaan menerusi pandangan jauh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak langsung menghiraukan ugutan berkenaan, sebaliknya merangka pelan pemulihan mengikut cara sendiri setelah mendapat restu daripada rakyat. Mengapa Dr Mahathir tidak mengikut telunjuk IMF adalah semata-mata kerana tidak merelakan kemasukan institusi kewangan asing terutamanya dari Barat membuat kecoh dalam sistem kewangan negara seterusnya menghalalkan spekulasi daripada dana lindung nilai (hedge fund). Tentangan Dr Mahathir terhadap spekulasi mata wang bukanlah sesuatu yang perlu disembunyikan kerana beliaulah yang membongkar kegiatan yang menyusahkan banyak negara, terutamanya negara membangun. Sikap Dr Mahathir tidak mudah dilupakan oleh spekulator menerusi ejen-ejennya kerana pembongkaran kegiatan mereka, menyebabkan ramai antara mereka kerugian besar, malah institusi kewangan yang menyokong kegiatan mereka, juga hampir lumpuh.

Setelah dasar kawalan modal Malaysia menunjukkan tanda-tanda positif ke arah pemulihan ekonomi negara ini, terlalu banyak ulasan dibuat mengenai kejayaan Malaysia bukan saja daripada pakar-pakar ekonomi, malah institusi-institusi berpengaruh. Mereka bersetuju dengan model Malaysia mengatasi kegawatan ekonomi, malah mengecam tindakan spekulator mata wang. Gambaran yang mereka berikan seolah-olah selepas ini tidak ada lagi kegiatan yang tidak bermoral itu dibenarkan dalam sistem kewangan dunia.

Dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Auckland, New Zealand, baru-baru ini pun pemimpin negara anggota termasuk Presiden Clinton bersetuju dengan tindakan membendung kegiatan spekulasi, bagi mengelak berulangnya krisis mata wang. Forum itu mahu memastikan supaya bank-bank tidak memberi pembiayaan yang terlalu tinggi dan berisiko kepada institusi pembayaran tinggi (HLI) seperti dana lindung nilai dan spekulator mata wang.

Namun, Barat tetap Barat. Janji dan perisytiharan mereka dalam dokumen tidak sama seperti apa yang mereka lakukan. Gelagat mereka adalah `bercakap tidak serupa bikin'. Mereka mendedahkan sikap hipokresi yang jelas kerana apa yang mereka lakukan tidak lagi berselindung. Awal September lalu, mata wang baht Thailand sekali lagi diserang oleh Tiger Fund, salah sebuah syarikat lindung nilai terbesar di dunia. Tiger Fund jugalah yang menjual ringgit sebanyak AS\$200 juta setiap hari hingga menyebabkan kemerosotan ringgit pada 1997. Malaysia mungkin terselamat

daripada sebarang percubaan baru syarikat lindung nilai setelah mengikat ringgit dan mencegah spekulator daripada membuat jualan singkat.

Ini menimbulkan kemarahan spekulator yang tidak dapat lagi meminjam ringgit kerana wang itu tidak lagi diniagakan di luar Malaysia. Namun, ketahanan terhadap serangan yang dialami Malaysia tidak bermakna mereka berdiam diri. Mereka akan terus melemahkan ekonomi negara-negara di Asia Timur yang akhirnya akan menyebabkan ekonomi Malaysia runtuh.

Daripada laporan akhbar, sudah ada tanda-tanda jelas bahawa Long Term Capital Management (LTCM), dana lindung nilai yang berpusat di Amerika Syarikat akan terus memberi ancaman. Setelah syarikat itu diselamatkan daripada muflis oleh 14 institusi kewangan, LTCM mengaum semula dan akan terus mencari mangsa dengan matlamat untuk membuat untung besar. Tidak ada tanda-tanda industri yang dianggarkan bernilai AS\$400 bilion (RM1,520 bilion) itu mengurangkan aktiviti mereka. Wang itu akan digunakan bagi memporak-perandakan ekonomi negara-negara yang boleh dilemahkan. LTCM akan memulakan tabung baru yang dinamakan JWM mengambil nama pengasas LTCM, iaitu John W Meriwether, untuk menjalankan urusan dan pelaburan yang sama seperti LTCM.

(END)